



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 20 OKTOBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kuala Lumpur

Pengapungan harga telur dan ayam perlulah dibuat pada kadar yang munasabah bagi mewujudkan situasi menang-menang antara pengguna, penternak dan pembekal.

Presiden Gabungan Persatuan Peniaga dan Peniaga Malaysia Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, ia harus dibuat secara teliti dan perlu dipantau agar tiada pihak yang cuba mengambil kesempatan, selain bagi memastikan bekalan domestik keperluan itu mencukupi.

"Nak apungkan harga boleh tetapi harga siling janganlah terlalu tinggi.. seperti satu ketika, harga ayam pernah diapungkan sampai RM6 lebih tetapi selepas itu, kita *burst the price* (turunkan harga) sebab kekurangan bekalan ayam."

"Jadi kalau nak diapungkan lagi kali ini, kita kena lihat semua sudut sama ada ia menguntungkan semua atau satu pihak sahaja," katanya kepada Bernama.

Mengulas lanjut, Rosli berkata langkah itu juga harus konsisten bagi membantu peniaga mengawal harga produk mereka yang dijual kepada masyarakat.

"Jangan sekejap apung, selepas itu tarik balik (pengapungan) kerana masyarakat akan berasa tidak selesa dengan situasi harga barangan yang naik turun akibat pengapungan," katanya.

Pada masa sama, beliau mengesyorkan agar kerajaan mengadakan sesi di-



PADA pembentangan Belanjawan 2024 Jumaat lepas, Anwar mengumumkan kerajaan menimbang untuk mengapungkan harga telur dan ayam tidak lama lagi. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

PENGAPUNGAN HARGA TELUR DAN AYAM

'Harga siling jangan terlalu tinggi...'

alog dengan persatuan-persatuan penternak tempatan terlebih dahulu bagi mendapatkan persetujuan harga apungan yang munasabah dan adil kepada semua, sebelum meneruskan langkah itu. Beliau berkata, pandangan penternak harus diambil kira kerana mereka

juga terbeban dengan kos ternakan yang tinggi akibat kenaikan harga makanan ayam.

"Kita tidak mahu kerajaan membuat keputusan (harga apungan) tanpa merujuk

kepada penternak-penternak sebab ayam ini memerlukan makanan dan semua makanan ayam ini pula mahal kerana diimport, jadi kita harus bersikap

adil kepada mereka," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Peniaga Pasar Malam Bumiputera Shah Alam-Klang, Kamarulnizam Razak berkata, langkah mengapungkan sumber protein itu lebih baik kerana sekurang-kurangnya menjamin bekalan yang berterusan daripada

pihak pengeluar.

"Kalau tak diapungkan, barang sentiasa tiada stok dan susah berniaga. Jadi walaupun mungkin ada kenaikan sikit harga bekalan selepas diapungkan, saya rasa ia masih boleh diterima ramai asalkan bekalnya tidak terjejas secara keseluruhan di pasaran," katanya yang sudah meniaga lebih 20 tahun di pasar malam sekitar Klang dan Shah Alam.

Pada pembentangan Belanjawan 2024, Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan menimbang untuk mengapungkan harga telur dan ayam tidak lama lagi selepas mendapati trend semasa menunjukkan bekalan kedua-dua sumber makanan itu kini stabil.

Beliau berkata, pelaksanaan tersebut membolehkan pasaran tempatan dapat berfungsi semula dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan ayam dan telur di pasaran, dan perincian mengenai langkah itu akan diumumkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam dua minggu, selepas berunding dengan pihak pengeluar.

Anwar berkata, langkah itu juga dilakukan bagi memastikan manfaat subsidi diberikan sebelum ini hanya dinikmati rakyat yang berhak, bukannya warga asing dan golongan kaya memandangkan sejak 2022, kerajaan mengeluarkan subsidi keseluruhan sebanyak RM3.7 bilion bagi menampung kos ayam dan telur.

Sejak 2022, kerajaan keluarkan subsidi RM3.7b bagi menampung kos ayam dan telur

Op Manis: 15,208 premis diperiksa di seluruh negara

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) sudah melaksanakan sejumlah 15,208 pemeriksaan melalui Op Manis di seluruh negara bagi membanteras aktiviti menyorok gula sejak 3 Mei lepas hingga kelmarin.

Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar berkata, dalam tempoh itu juga, pihaknya menerima sebanyak 433 aduan dan merekodkan sebanyak 46 kes melibatkan pelbagai kesalahan termasuk menjual melebihi harga kawalan, membungkus gula tanpa kebenaran Pengawal Bekalan serta memberi

gambaran mengelirukan mengenai harga jualan gula.

"KPDN akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati terlibat di dalam aktiviti penyelewengan bekalan gula termasuk menjual gula putih bertapis kasar dan halus secara bersyarat, aktiviti menyorok bekalan gula serta menjual melebihi harga kawalan yang ditetapkan," menurutnya dalam kenyataan, semalam.

Beliau juga berkata Op Manis 2.0 yang dilanjutkan hingga 31 Dis selain memastikan tidak berlaku aktiviti menyorok gula oleh

pihak tidak bertanggungjawab untuk mengelakkan pembelian panik dalam kalangan pengguna yang boleh menyebabkan gangguan ke atas bekalan di pasaran.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku peniaga atau aktiviti penyelewengan barang kawalan boleh menyalurkan aduan ke aplikasi WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000, portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>, pusat panggilan 1-800-886-800, e-mel kepada e-aduan@kpdn.gov.my atau Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.



KPDN menjalankan sejumlah 15,208 pemeriksaan melalui Op Manis di seluruh negara bagi membanteras aktiviti menyorok gula sejak 3 Mei lepas hingga kelmarin.

Price of chicken, eggs set to be floated again soon

KUALA LUMPUR: The date for prices of chicken and eggs to be floated in the market is expected to be announced during a press conference on Oct 30, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He added discussions were being held with the stakeholders and industry players who are involved in production, with the team headed by the ministry's secretary-general, to ensure prices remain at a reasonable rate after the announcement.

"The move to (float) the prices for the long term or short term will depend on the situation, but if possible, let the market decide the price. We, however, cannot guarantee the duration due to the global situation and drastic climate change," he said at the pre-

launch of the 2023 National-Level Farmers, Livestock Breeders and Fishermen Day Celebration yesterday, reported Bernama.

He said the press conference to announce the date would be jointly held by his ministry, the Finance Ministry, the Economy Ministry and the Department of Statistics Malaysia.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, when tabling Budget 2024 last week, announced that the temporary price controls for eggs and chicken would be lifted as current trends indicated that the supply of both was now stable.

Anwar, who is also the Finance Minister, said the move would enable the local market to function freely by ensuring sufficient supply of both products.

Meanwhile, the proposal to float the prices of chicken and eggs should be done carefully to create a win-win situation for consumers, farmers and suppliers, said the Malaysian Federation of Hawkers and Petty Traders Association.

Its president, Datuk Seri Rosli Sulaiman, said this process should be monitored to prevent any parties from taking advantage of it and to ensure domestic supply meets demand.

"So, if we are going to float them again this time, we need to look at all aspects to see if it benefits everyone or just one party," he told Bernama.

He added that the floating mechanism should be consistent to help traders control the prices of products sold to the public.

Rosli also suggested that the government hold dialogue sessions with local farmers' associations first to get their views before proceeding with the removal of price controls.

Shah Alam and Klang Bumiputera Night Market Traders Association president Kamarul Nizam Razak said floating the prices of chicken and eggs is a good move because it at least ensures a continuous supply from producers.

"If it's not floated, there is always a lack of stock, and it's challenging to do business.

"So, even if there is a slight price increase after it's floated, I think it can still be accepted by many as long as the overall supply is not adversely affected in the market," he said.

India setuju eksport semula beras putih

PETALING JAYA: India bersetuju mengeksport semula bekalan beras putih ke Malaysia, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, perkara itu bagaimanapun masih di peringkat awal dan proses rundingan harga perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum Malaysia mengambil tindakan lanjut.

"Kita akan lihat dulu berapa harganya, sebab sekarang ini baru di peringkat persetujuan. Akan ada di peringkat perundingan dan selanjutnya," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) di bangunan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini semalam.

Sebelum ini, India dilaporkan mengambil keputusan menghentikan eksport beras putih bukan basmati sebagai langkah mengelakkan lonjakan harga bekalan domestik.

Perkara itu dibimbangi pel-



MOHAMAD Sabu diberi penjelasan tentang promosi Kombo Madani dalam Pra Pelancaran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

bagai pihak apabila ia boleh mencetuskan kenaikan kadar inflasi, sekali gus meningkatkan lagi harga makanan dalam pasaran global.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, perincian apungan harga ayam dan telur akan diumumkan pada 30 Oktober ini selepas perbincangan melibat-

kan pelbagai pihak seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perangkaan Negara (DOSM) serta industri atau pengeluaran telur dan ayam.

Sementara itu, berhubung HPPNK, beliau berkata ia berlangsung dari 10 hingga 12 November ini di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru, Perak.

Katanya, majlis bertemakan 'Keterjaminan Makanan Untuk Masa Hadapan dan Memperkasa Masyarakat Peladang, Penternak dan Nelayan' itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 11 November ini.

"Antara teknologi yang akan dipamerkan adalah teknologi dron, prototaip teknologi kejuruteraan pertanian untuk sistem pertanian pintar serta model sistem pengairan dan saliran pertanian, serta asuhan ikan marin seperti ikan kerapu dan siakap," katanya.

India setuju eksport semula beras putih ke Malaysia

Kuala Lumpur: India bersetuju untuk mengeksport semula beras putih ke Malaysia, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Bagaimanapun beliau berkata, perkara itu masih di peringkat awal rundingan.

Katanya, proses rundingan harga perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum Malaysia mengambil tindakan lanjut.

"Kita akan lihat dulu berapa harganya sebelum membuat apa-apa perubahan sebab sekarang baru peringkat persetujuan dan akan ada peringkat rundingan harga dan sebagainya, sebelum mengambil tindakan selanjutnya," katanya, semalam.

Sementara itu, Mohamad berkata, perincian apungan harga ayam dan telur akan diumumkan 30 Oktober ini.

Katanya, kaedah pengapungan harga ayam dan telur itu kini sedang dibincangkan bersama pihak industri atau pengeluar telur dan ayam.

Ditanya sama ada apungan harga ayam dan telur bagi tempoh jangka panjang atau pendek, Mohamad, berkata perkara itu bergantung kepada keadaan.

"Kalau boleh biarlah pasaran yang menentukan harga. Tapi kita tak boleh jamin, sampai bila sebab kita tidak tahu suasana dunia sekarang ekoran perubahan cuaca yang sangat ketara," katanya.

Pada pembentangan Belanjawan 2024, Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengumumkan kerajaan menimbang untuk mengapungkan harga telur dan ayam selepas mendapati trend menunjukkan bekalan kedua-dua sumber makanan itu stabil.

Sementara itu, Mohamad berkata, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2023 akan diadakan pada 10 hingga 12 November ini di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh.

Katanya, fokus sambutan kali ini akan mengupas aplikasi teknologi, inovasi dan modenisasi sektor pertanian yang diterjemah melalui Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0).

"Antara teknologi yang akan dipamerkan adalah teknologi dron, prototaip teknologi kejuruteraan pertanian untuk sistem pertanian pintar dan model sistem pengairan serta saluran pertanian," katanya.

Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan

78 kilang, pemborong di 5 negeri diperiksa

Kuala Lumpur: Sebanyak 78 pemeriksaan dilakukan ke atas kilang dan pemborong beras di lima negeri di Semenanjung melalui Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan (Op BPT), setakat ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, berkata negeri berkenaan ialah Kedah, Selangor, Pulau Pinang, Kelantan serta Johor dengan membabitkan pemeriksaan ke atas 42 kilang dan 36 pemborong beras.

"Kawalselia Padi dan Beras (KPB) juga sudah melantik ketua bagi setiap zon di Semenanjung bagi tujuan penyelarasan operasi pemeriksaan pada peringkat negeri, iaitu Zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan.

"Selain pemeriksaan perlu giat dilakukan, saya juga meminta pihak KPB untuk terus mengekal dan meningkatkan keberadaan BPT dalam pasaran, terutama di pasar raya besar serta kedai runcit," katanya dalam kenyataan melalui Facebook, semalam, selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Taskforce Op BPT di

Wisma Tani, di sini.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang menghadiri mesyuarat itu turut memaklumkan 31,100 pemeriksaan dilaksanakan di seluruh negara menerusi Op Jamin sejak 7 Julai lalu, dengan 10 kes diambil tindakan oleh KPDN.

"Penghargaan dizahirkan kepada pihak KPDN, terutama Timbalan Menteri, Fuziah Salleh atas kesungguhan dan kegigihan kementerian yang sama-sama mengambil berat serta memandang serius isu bekalan beras.

“Selain pemeriksaan perlu giat dilakukan, saya juga meminta pihak KPB untuk terus mengekal dan meningkatkan keberadaan BPT dalam pasaran”

Chan Foong Hin,
Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

"Isu keterjaminan makanan, termasuk kestabilan bekalan beras (makan ruji rakyat Malaysia) adalah tanggungjawab bersama semua pihak," katanya sambil memaklumkan bahawa orang ramai boleh menyalurkan sebarang aduan atau maklumat mengenai isu bekalan beras melalui talian hotline 03-88702393/2207.

Sukar dapat benih

Sementara itu di Alor Setar, ramai pesawah di Kedah merungut sukar mendapatkan benih padi sah pada harga berpatutan bagi memulakan proses menanam padi pada hujung bu-

lan ini.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain, mendakwa benih itu masih tiada dijual di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) berikutan bekalan dari kilang belum diperoleh.

Beliau mendakwa, kebanyakannya PPK memaklumkan bahawa kilang yang dibenar membekalkan benih padi dikatakan memberi alasan benih padi untuk penanaman pada musim ini belum diluluskan Jabatan Pertanian.

"Namun, yang menghairankan, benih itu ada pula dijual dalam 'pasaran gelap'. Harganya cukup mahal mencecah lebih RM50 sekampit berbanding RM35 di pintu kilang seperti yang ditetapkan kerajaan.

"Langkah ini sudah tentu memberi tekanan kepada pesawah, lebih-lebih lagi kalau mengikut jadual dikeluarkan MADA, mereka sepatutnya melaksanakan kerja menabur benih pada hujung bulan lalu," dakwanya ketika dihubungi, di sini semalam.



India setuju eksport beras putih ke Malaysia, tarikh apung harga ayam dan telur diumumkan 30 Oktober



Mohamad merasmikan majlis pra pelancaran sambutan Hari Peladang, Peternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) Tahun 2023 yang diadakan di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Kuala Lumpur pada Khamis.

KUALA LUMPUR - Kerajaan India menyatakan persetujuan untuk kembali mengeksport beras putih kepada Malaysia selepas mengambil langkah menghentikannya pada Julai lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya bagaimanapun akan meneliti terlebih dahulu terutama harga yang akan ditawarkan.

"Kita akan lihat dulu sebelum membuat apa-apa perubahan kerana sekarang baru peringkat persetujuan. Sebab lepas ini akan ada peringkat seterusnya untuk meneliti dari segi penilaian harga sebelum mengambil tindakan selanjutnya," katanya selepas majlis pra pelancaran

Hari Peladang, Peternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) di sini pada Khamis.

India sebelum ini dilaporkan mengambil keputusan untuk menghentikan eksport beras putih bukan basmati sebagai langkah mengelakkan lonjakan harga bekalan domestik.

Susulan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) pada 25 September lalu memaklumkan akan mengadakan pertemuan dengan pemerintah India secepat mungkin bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport beras putih.

Sementara itu, katanya, pelaksanaan apungan harga ayam dan telur akan diumumkan pada

30 Oktober ini.

"Setakat ini perincian apungan harga barangan keperluan itu sedang dibincangkan.

"Perkara tersebut dibincangkan bersama dengan industri iaitu mereka yang mengeluarkan telur dan ayam. Pihak Ketua Setiausaha (KSU) kita sedang memainkan peranan supaya harga nanti tidak naik begitu mendadak," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat dalam pembentangan Belanjawan 2024 menyatakan kerajaan akan mempertimbangkan harga ayam dan telur di pasaran diapungkan berdasar harga yang lebih rendah daripada harga apungan pasaran.

India agrees to sell rice to Malaysia

No rice shortage woes for now with 170,000 tonnes of non-basmati white rice

By ZAKIAH KOYA
newsdesk@thestar.com.my



PETALING JAYA: Malaysians can breathe a sigh of relief over rice shortage woes for now as India has agreed to export 170,000 tonnes of non-basmati white rice to Malaysia, says Foreign Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

He said that he received the good news through a call from his Indian counterpart, External Affairs Minister Dr S. Jaishankar, on Wednesday.

"The Malaysian people appreciate India's gesture very much, as Malaysia and India have always enjoyed very good bilateral ties," said Zambry from Saudi Arabia.

A highly placed source said the

strong bilateral ties between the two countries led to the special allocation after the Malaysian government requested a special quota due to the shortage of white rice in the country.

India has approved the export of 170,000 tonnes of non-basmati white rice to Malaysia on Oct 18 as a friendly gesture, the source said.

"The decision by the government of India is reflective of the close ties between India and

Malaysia and in line with India's continued policy of supporting the efforts of governments in friendly countries towards safeguarding domestic food security," said the source.

"We welcome the good news that India has agreed to export non-basmati rice to Malaysia to assist us with the current local shortage. This will definitely let us breathe a little better as we look for better long-term solutions to ensure we have enough white rice supply at all times," said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the special quota of imported non-basmati white rice would not have much impact on

the price of local white rice.

"If at all, it would only have a very minimal effect on the price," said Mohamad, pointing out that the special quota is a minor percentage of the whole import of non-basmati rice.

India is responsible for 40% of the world's rice exports.

On July 20, the Indian government announced that it would stop exporting non-basmati white rice effective immediately to help lower rice prices and secure availability in India.

However, this led to a rice shortage in countries such as Malaysia, the Philippines and Vietnam, which are the biggest importers of rice from India.

Other than India, Malaysia also

imports rice from Pakistan, Thailand and Vietnam, with the average imported supply of rice by Malaysia at approximately 750,000 tonnes a year.

Hence, the worry was that the price would increase exponentially without sufficient supply.

The current price of local white rice is RM2.60 per kg, as stated under the Rice (Price and Grade) Order 2008 as well as the Control of Padi and Rice Act 1994.

On Sept 2, all padi millers and rice wholesalers were asked by the Federal Government to increase the supply of local white rice by 20% through the Local White Rice Special Programme as one of the intervention measures to restore supply in the market.

NEWS CONFERENCE

Details for floating of egg, chicken prices out on Oct 30

KUALA LUMPUR: The government yesterday said the details of the floating prices for eggs and chicken will be ready on Oct 30.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said his ministry, with the Economy Ministry, Finance Ministry and Department of Statistics, would hold a news conference by the end of this month as the government was fine-tuning the details.

"The announcement of the floating prices for eggs and chicken will take place on Oct 30."

He said this after the pre-launch event for the Farmers, Breeders and Fishermen Day here.

He said the ministry was in talks with traders involved in the production of eggs and chicken.

"The ministry's chief secretary



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu sticking a poster on a vehicle to promote the pre-launch event for the Farmers, Breeders and Fishermen Day here yesterday. PIC BY ASWADI ALIAS

is involved in scheduling meetings to ensure that prices can be maintained without sudden increases. That is our hope."

Responding to inquiries about the viability of this decision, Mohamad said the outcome would depend on market dynamics.

"Ideally, we would like the market to determine the pricing.

"But we cannot guarantee how long it will last because we are uncertain about the global situation with climate change happening everywhere."

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, when tabling the

2024 Budget, had announced that the temporary price controls for eggs and chicken would be lifted, as the supply of both items was stable.

He said the move was to enable the market to function freely in ensuring a sufficient supply and that the Agriculture and Food Security Ministry would announce the details of these measures in two weeks.

Anwar said the floating of chicken and egg prices ensured that only eligible citizens, not foreigners or super-rich groups, benefited from subsidies.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

SSM leads the way to establish new secured transaction legal framework to promote economic growth and access to finance



Malaysia has a robust and advanced legal system. However, there is room for improvement to make it more comprehensive with the introduction of new legal frameworks. Such a necessity has been recognised in governing the registration and enforcement of security interest on movable properties utilised as collateral for financing purposes by unincorporated entities or individuals, as identified in the World Bank's Doing Business Report 2015.

The report highlighted two gaps based on the existing legal frameworks, namely the absence of an integrated legal framework for movable property that are used as collateral for a loan or an obligation as well as the lack of a unified collateral registry in operation for both incorporated and unincorporated entities.

To understand these gaps, the Companies Commission of Malaysia (SSM) and the Central Bank of Malaysia (BNM) conducted a joint study in the same year. The study confirmed the World Bank's findings and highlighted that the introduction of the new legal framework will benefit the business sector, particularly the small and medium enterprises (SMEs).

SSM was then given the mandate by the government to undertake the registry function under the proposed framework and introduce the new legal framework that will regulate the process of creation, registration and enforcement of security interests for movable property in Malaysia.

The establishment of a special committee

On 19 February 2018, SSM established a special committee comprising of representatives from public and private organisations including several ministries and agencies.

The special committee was established with the objectives to address the issues and impact of the framework on the various registries under different ministries and agencies where movable assets are registered and to take measures to close the current gap where security interest is registered under different registries.

Thereafter, SSM had also issued a consultative document in the same year to receive feedbacks from the public on the proposed principles and the new secured transaction legal framework.

The final report from the committee was presented on 11 December 2018 which concluded 23 recommendations for the foundation of the new legal framework based on the deliberations reflective of the need, practice and operations of the business community in Malaysia.



The new legal framework would not only address the gaps identified in the World Bank's findings but also empower and aid the business community with more options to obtain financing.

SSM Chief Executive Officer (Dedek Nor Azimah Abdul Aziz)



Among others, the recommendations highlighted that the new legal framework would introduce a unified legal framework to govern the registration of movable properties used as collateral to secure a payment or performance of an obligation and the creation of a unified collateral registry. The recommendations also suggested that the legal framework shall be made available to any person, whether legal or natural persons, both incorporated and unincorporated.

The recommendations also stipulated that the legal framework will apply to all security interest in movable property created by an agreement that secures payment or other performance of an obligation regardless of the form of the transaction, the type of movable property, the status of the debtor, grantor or secured creditor or the nature of the secured transaction.

Furthermore, the recommendations also proposed that the legal framework will provide notice based filing. It is also crucial to highlight that the recommendations also proposed the priority principle with the general rule where a perfected security interest that has complied with all mandatory steps to register the security interest are completed, will have priority over an unperfected security interest in the same collateral.

Following the recommendations, SSM conducted further stakeholder consultations with representatives from ministries or agencies related to registrations of different types of assets including Ministry of Transport, Department of Director General of Lands and Mines and the Road Transport Department throughout 2019 to 2022.

These consultations enabled SSM to further refine provisions under the proposed new legal framework and ensure the applicability of the policies to suit the current financing landscape to balance with the business requirements in Malaysia.

The proposed legal framework

The legal framework will provide for the registration of security interest in all movable properties used as collateral. Usually the most common type of collateral accepted for financing is immovable or fixed assets such as land or buildings. However, along with other benefits, the proposed Bill would provide more opportunities for businesses especially the SMEs to obtain financing by using their existing movable properties such as motor vehicles, crops, livestock and negotiable instruments, tangible and intangible assets as collateral. This will most importantly promote monetisation of intangible assets such as intellectual property rights be recognised as security.

In addition, the legal framework would also incorporate among others, an electronic registration filing system with search function online.

Other benefits from having a secured transaction legal framework include increasing in access to credit and reducing the risk of credit especially for unincorporated entities or SMEs, addressing the lack of adequate legal framework on the registration of movable properties for unincorporated entities, diversifying of assets held by financial institutions to spread risks more efficiently.

The registry established under the new legal framework would provide additional information for creditors to assess the creditworthiness of an applicant as currently there are information gaps where not all necessary information is available to the creditors. This in turn would lower the cost of obtaining financing.

The way forward

On 12 July 2023, the 23 recommendations as finalised by the committee was tabled again to the present Cabinet after the first tabling on 17 February 2021. Following the re-tabling, the Cabinet had re-endorsed the introduction of a new legal framework on secured transaction for movable property in Malaysia based on the recommendations and for SSM to be the regulatory agency for the new Bill.

The Bill is currently in its drafting stage and is expected to be tabled in Parliament in 2024.

SSM Chief Executive Officer Datuk Nor Azimah Abdul Aziz said she hoped that once enforced, the new legal framework would not only address the gaps identified in the World Bank's findings but also empower and aid the business community with more options to obtain financing.

TYPES OF COLLATERAL THAT CAN BE REGISTERED



MOTOR VEHICLE

Any road vehicle that is powered by a motor. Example: car, truck, motorcycle, tractor and trailer.



WATERCRAFT

A vehicle or vessel designed for navigation on water excluding any ship under the Merchant Shipping Ordinance 1952. Example: yacht, fishing boat and small ship.



CROPS

A plant or plant product that can be grown and harvested extensively for profit. Example: fruit or paddy production.



CHattel PAPER

Chattel paper is a document to the underlying secured obligation. Example: hire-purchase agreements or conditional sales agreements.



NEGOTIABLE INSTRUMENT

A document that guarantees the payment of a specific amount of money. Example: promissory notes and letters of credit.



INTANGIBLES

Movable property that doesn't have physical form. Example: account receivables, copyrights, patent and trademark (intellectual properties).



ALL PRESENT AND AFTER-ACQUIRED PROPERTY (WITH EXCEPTION)

Describes present and future property of the debtor, but with exceptions. Example: All present and after-acquired property of the debtor excluding their account receivables.



AIRCRAFT

Any machine designed for navigation in the air excluding any Malaysian aircraft under the Civil Aviation Act 1999. Example: agriculture aircraft and small airplane.



LIVESTOCK

Domesticated animals raised in an agricultural setting to produce commodities such as meat, eggs and milk. Example: animals, including cows, fish, goats, horses, ostriches, sheep and other animals.



SECURITIES

Example: shares, bonds, interest schemes, stocks or debentures.



DOCUMENT OF TITLE

Document of title is any written legal document that verifies ownership to the goods. It represents. It may also be a written commercial document that allows for the transfer of ownership of goods from one party to another party in a transaction. Example: bills of lading and warehouse receipts.



MONEY

Money describes currency authorised as a medium of exchange by the law of Malaysia or of other country. Example: bank deposit of RM10 million in Japanese yen or New Zealand Dollar.



OTHER GOODS

Includes any tangible property that is not a motor vehicle, watercraft, aircraft, livestock or crops. Example: art, machinery, designer items and jewellery.



ALL PRESENT AND AFTER-ACQUIRED PROPERTY (WITHOUT EXCEPTION)

Describes all present and future property of the debtor, but without exceptions. Example: All present and after-acquired property of the debtor.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 20 OKTOBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
20-Oct	15,208 inspections conducted to curb sugar hoarding	https://selangorjournal.my/2023/10/15208-inspections-conducted-to-curb-sugar-hoarding/	SELANGORKINI
20-Oct	MyCC penalises 250 companies for involvement in cartel activities	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/10/19/mycc-penalises-250-companies-for-involvement-in-cartel-activities/	FMT
20-Oct	Kerajaan umum pelaksanaan pengapungan harga ayam, telur 30 Oktober ini	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1021704/kerajaan-umum-pelaksanaan-pengapungan-harga-ayam-telur-30-oktober-ini	HM
20-Oct	Apungan harga ayam, telur diumumkan akhir bulan ini	https://malaysiagazette.com/2023/10/19/apungan-harga-ayam-telur-diumumkan-akhir-bulan-ini/	MALAYSIAGAZETTE
20-Oct	Pelaksanaan pengapungan harga ayam, telur diumumkan 30 Okt	https://m.malaysiakini.com/news/683446	MALAYSIAKINI
20-Oct	Tarikh pelaksanaan pengapungan harga ayam, telur diumumkan 30 Oktober	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/19/tarikh-pelaksanaan-pengapungan-harga-ayam-telur-diumumkan-30-oktober	UMBORNEO
20-Oct	Tarikh mula laksana pengapungan harga ayam, telur diketahui 30 Oktober depan	https://majoriti.com.my/berita/2023/10/19/tarikh-mula-laksana-pengapungan-harga-ayam-telur-diketahui-30-oktober-depan	MAJORITI
20-Oct	Pelaksanaan apung harga ayam, telur diumumkan 30 Oktober	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pelaksanaan-apung-harga-ayam-telur-diumumkan-30-oktober-442538%3famp=1	ASTROAWANI

20-Oct	Harga ayam, telur wajar diapung pada kadar munasabah - Peniaga	https://www.sinarharian.com.my/article/630160/berita/nasional/harga-ayam-telur-wajar-diapung-pada-kadar-munasabah---peniaga	SH
20-Oct	Harga ayam, telur wajar diapung pada kadar munasabah - Peniaga	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1166862/harga-ayam-telur-wajar-diapung-pada-kadar-munasabah-peniaga	BH
20-Oct	Pelaksanaan apungan harga ayam dan telur hujung bulan ini	https://harapandaily.com/pelaksanaan-apungan-harga-ayam-dan-telur-hujung-bulan-ini/	HARAPANDAILY
20-Oct	Harga ayam di Melaka naik 70 sen	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1021732/harga-ayam-di-melaka-naik-70-sen	HM
20-Oct	Tarikh pelaksanaan apungan harga ayam dan telur akan diumumkan 30 Oktober KUALA LUMPUR, 19 Oktober - Tarikh laksana pengapungan	https://fb.watch/nNsS2RFJKA/	BERITARTM
20-Oct	Op BPT: 78 pemeriksaan dilakukan ke atas kilang, pemborong beras di 5 negeri	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1167167/op-bpt-78-pemeriksaan-dilakukan-ke-atas-kilang-pemborong-beras-di-5	BH
20-Oct	519 ditahan disyaki terlibat penyelewengan minyak diesel bersubsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/630336/berita/semasa/519-ditahan-disyaki-terlibat-penyelewengan-minyak-diesel-bersubsidi	SH
20-Oct	KPDN tahan 519 individu disyaki terbabit penyelewengan minyak diesel bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2236625	BERNAMA
20-Oct	Ops Manis: 15,208 pemeriksaan dilaksanakan seluruh negara – KPDN	https://www.edisi9.com.my/2023/10/ops-manis-15208-pemeriksaan-dilaksana-seluruh-negara-kpdn/	EDISI9

20-Oct	Op Manis: 15,208 pemeriksaan dilaksana di seluruh negara	https://suarasarawak.my/op-manis-15208-pemeriksaan-dilaksana-di-seluruh-negara/	SUARASARAWAK
--------	--	---	--------------